

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1 TAHUN 2021**

**PENYELARASAN DAN PENYERAGAMAN BERKAITAN KADAR DEPOSIT BAGI
PENGELUARAN PERMIT BAHAN BATUAN DI ATAS TANAH KERAJAAN DAN
TANAH HAKMILIK DI NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah mengenai Penyelarasan Dan Penyeragaman Berkaitan Kadar Deposit Bagi Pengeluaran Permit Bahan Batuan Di Atas Tanah Kerajaan Dan Tanah Hakmilik Di Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Seksyen 74, Kanun Tanah Negara 1965 telah memperuntukkan :

74. Deposit berkenaan dengan permit.

Pihak Berkuasa Negeri boleh jika difikirkannya sesuai mengarahkan bahawa, kecuali dalam keadaan tertentu sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan. Pentadbir Tanah atau pegawai lain yang mengeluarkan mana-mana permit untuk mencabut, memindah dan mengangkut bahan batuan itu hendaklah menghendaki orang atau badan yang kepadanya permit itu dikeluarkan untuk mendeposit dengan sejumlah wang yang difikirkannya munasabah sebagai sekuriti bagi :

- (a) pelaksanaan dan pematuhan dengan sempurna peruntukan-peruntukan dengan mana permit itu tertakluk, dan
- (b) pemulihan tanah dengan mana permit itu ada kaitan apabila terhentinya permit itu.

- 2.2 Bagi menyeragamkan pengenaan kadar deposit berkaitan bahan batuan di setiap Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Selangor, **Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam Bil.1/2020** bertarikh **9 Mac 2020** yang dipengerusikan oleh **YAB. Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor**, mesyuarat telah mempertimbangkan dan **bersetuju** dengan **Penyelarasan Dan Penyeragaman Berkaitan Kadar Deposit Bagi Pengeluaran Permit Bahan Batuan Di Atas Tanah Kerajaan Dan Tanah Hakmilik Di Negeri Selangor** yang telah dibentangkan.
- 2.3 Seterusnya, **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)** bertarikh **2 Jun 2021** kertas ringkasan **MMK. No. 27/19/2021** yang telah disahkan oleh **MMKN ke 20/2021** pada **9 Jun 2021** telah **meluluskan** **Penyelarasan Dan Penyeragaman Berkaitan Kadar Deposit Bagi Pengeluaran Permit Bahan Batuan Di Atas Tanah Kerajaan Dan Tanah Hakmilik Di Negeri Selangor**.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

- 3.1 Penetapan kadar deposit berkaitan permit pengeluaran bahan batuan adalah seperti di **Jadual 1** di bawah :

Jadual 1 : Ketetapan Kadar Deposit

Jenis Deposit	Kadar Deposit	Keluasan / Kuantiti	Jenis Bahan Batuan	Rujukan
(a) Deposit Pematuhan Syarat-Syarat Permit Pengeluaran Bahan Batuan	RM 5,000.00	0 – 4.99 ekar	Semua jenis permohonan pengeluaran bahan batuan kecuali granit dan batu kapur yang melibatkan aktiviti <i>blasting</i> dan <i>crushing</i> .	Keputusan MMKN ke 20/2021 bertarikh 9 Jun 2021
	RM 10,000.00	5 – 9.99 ekar		
	RM 20,000.00	10 ekar ke atas		

Jenis Deposit	Kadar Deposit	Keluasan / Kuantiti	Jenis Bahan Batuan	Rujukan
(a) Deposit Pematuhan Syarat-Syarat Permit Pengeluaran Bahan Batuan	RM 50,000.00	Kurang 50 ekar	Bahan batuan granit dan batu kapur yang melibatkan aktiviti <i>blasting</i> dan <i>crushing</i> sahaja.	Keputusan MMKN ke 20/2021 bertarikh 9 Jun 2021
	RM 100,000.00	Melebihi 50 ekar		
(b) Deposit Infrastruktur	RM 5,000.00	Setiap ekar	Pasir Lombong sahaja	Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 2 Tahun 2015
(c) Deposit Pemulihan Tanah	RM 100,000.00 (permulaan) Dan i. RM 0.70 atau ii. RM 0.42	Setiap meter padu (m ³) atau Setiap metrik tan (mt)	Pasir Lombong sahaja	Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 2 Tahun 2015
(d) Deposit Lesen Pendudukan Sementara, Borang Khas (Borang 4B)	RM 10,000.00	-	Pasir Sungai sahaja	Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1 Tahun 2015

Jenis Deposit	Kadar Deposit	Keluasan / Kuantiti	Jenis Bahan Batuan	Rujukan
(e) Deposit Penggunaan Tanah <i>(Tanah Kerajaan dan Tanah Rizab Yang Belum Diwartakan)</i>	RM 1,000.00	setiap 1,000 meter persegi <i>(Tanah Bandar / Pekan)</i>	Stockpile Pasir	Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 2 Tahun 2014
	RM 200.00	setiap 1,000 meter persegi <i>(Tanah Desa, Tanah Pantai dan Dasar Laut/Sungai)</i>		
(f) Deposit Oleh Jabatan Teknikal Berkaitan	RM 50,000.00 (JKR) dan RM 20,000.00 (JPS)	-	Semua jenis bahan batuan kecuali Pasir Lombong.	Keputusan MMKN ke 20/2021 bertarikh 9 Jun 2021

4. TARIKH KUAT KUASA

Arahan ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan dan semua Pentadbir Tanah Daerah adalah diarahkan mematuhi keputusan yang telah ditetapkan.



(YUSRI BIN ZAKARIAH) s.m.s.
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

Tarikh: 1 Ogos 2021